

10/04/2001

UIAM tuan rumah sidang FUIW 17 April

KUALA LUMPUR, Isnin - Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) akan menjadi tuan rumah Persidangan Agung Kedua Kesatuan Universiti Negara Islam (FUIW), pada 17 hingga 19 April ini.

Timbalan Rektor (Akademik) UIAM, Prof Madya Datuk Dr Jamil Osman, berkata persidangan itu diadakan bersempena perasmian Kampus UIAM Gombak, di sini pada 17 April oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Perasmian itu akan berlangsung di Pusat Kegiatan Kesenian, UIAM. Sementara itu, FUIW pula bakal dihadiri kira-kira 130 wakil universiti seluruh dunia.

"Persidangan itu akan berkisar kepada permasalahan dan penyelesaian kepada memperkukuhkan kajian saintifik dan keperluan sumber manusia negara Islam.

"Ia bakal menghimpunkan pentadbiran utama seperti Canselor, Presiden atau Rektor yang sama taraf dengan Naib Canselor di negara ini," katanya dalam kenyataan akhbarinya di sini, hari ini.

Persidangan itu akan didahului dengan sesi Majlis Eksekutif FIUW yang akan berlangsung pada 15 dan 16 April ini di Hotel Legend.

"Satu pameran mengenai peluang pengajian dan kepakaran universiti negara Islam di seluruh dunia akan diadakan di hotel sama sepanjang persidangan agung FIUW.

"Pameran pendidikan negara Islam itu akan memberi maklumat secara percuma kepada orang ramai yang berminat mengetahui program pengajian, yuran, kos sara hidup, kepakaran pensyarah dan maklumat lain daripada kakitangan universiti yang menghadiri persidangan berkenaan," katanya.

(END)